

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2016

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar dengan pemotongan dalam Belanjawan 2016 bagi sektor-sektor perkhidmatan '*prioriti*' seperti kesihatan dan pendidikan tinggi, kedua-dua perkhidmatan ini sangat terjejas dan merumitkan masyarakat marhaen dan berpendapatan rendah. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan kejatuhan harga minyak dunia, ia telah memberi kesan langsung kepada kutipan hasil

Kerajaan. Bagi memastikan sasaran fiskal negara tercapai, Kerajaan telah melaksanakan langkah pengubahsuaian bajet tahun 2016. Melalui langkah ini, Kerajaan telah dapat mengurangkan sehingga RM9 bilion yang merangkumi RM4 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM5 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan. Bagi Perbelanjaan Mengurus, pengurangan RM4 bilion ini adalah lebih kepada perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan antaranya:

- Merasionalisasi pemberian geran kepada Tabung Amanah Kerajaan, Badan Berkanun Persekutuan dan GLC;
- Merasionalisasi dan menyusun semula entiti merangkumi *Company Limited by Guarantee* (CLBG) dan badan berkanun; dan
- Mengawal perbelanjaan dengan lebih berhemat terutamanya bekalan dan perkhidmatan melalui pengeluaran Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan. Antaranya, penganjuran majlis rasmi Kerajaan dibuat secara sederhana dan diadakan di premis milik Kerajaan.

Selain itu, langkah perbelanjaan berhemat ini tidak melibatkan pengurangan emolumen kakitangan awam, pencen pesara dan program bantuan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Manakala pengurangan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan tidak melibatkan pengurangan bilangan projek tetapi lebih kepada memanjangkan tempoh pelaksanaan projek. Di samping itu, projek/program yang mempunyai kesan langsung kepada rakyat termasuk pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam akan diteruskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneliti semula keperluan peruntukan tambahan Kementerian/Jabatan/Agensi mengikut keutamaan bergantung kepada kedudukan dan keupayaan kewangan semasa negara.